

TERHAD



i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2024

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
SEJARAH
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan**

1249/2(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan Majlis Pengetua SABK**. Kegunaan khusus untuk guru-guru tingkatan 5 di SMKA dan SABK sahaja. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk media cetak

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **18** halaman bercetak

Soalan	Perincian	Markah
1 (a)	F1 Hukum Kanun Melaka	1
	F2 Undang-undang Laut Melaka	1
	[Mana-mana 2F x1 m]	[2 m]
1 (b)	<i>Hukum Kanun Melaka</i>	
	F1 Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian	1
	F2 Pelbagai hukuman setimpal dikenakan	1
	F3 Perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri	1
	F4 Dikenakan hukuman bunuh	1
	F5 Fasal 5.1, seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar maka dia akan dihukum bunuh.	1
	F6 Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan	1
	<i>Undang-undang Laut Melaka</i>	
	F7 Perbuatan jenayah di atas kapal menggugat ketenteraman/keselamatan isi kapal	1
	F8 Hukuman terhadap perbuatan jenayah	1
F9 Perbuatan mencuri/ membunuh/ memberontak	1	
F10 Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal akan dikenakan hukuman mati	1	
1 (c)	[Mana-mana 4F x1 m]	[4 m]
	F1 Setiap warganegara harus menghormati undang-undang	1
	F2 Tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang	1
	F3 Menyokong penguatkuasaan undang-undang	1
	F4 Bertanggungjawab mempertahankan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak	1
	F5 Memelihara kedaulatan undang-undang	1
	F6 Mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 4F x1 m]	[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
2 (a)	<i>Kuasa Paksi</i>	
	F1 Jerman	1
	F2 Itali	1
	F3 Jepun	1
	<i>Kuasa Bersekutu</i>	
	F4 Britain	1
F5 Amerika Syarikat	1	
F6 Perancis	1	
	[Mana-mana 2F x 1 m]	[2 m]
2 (b)	F1 Kemunculan ideologi baharu	1
	H1a Itali dan Jerman mengadakan gerakan politik radikal	1
	H1b Gerakan dipimpin oleh nasionalis berfahaman melampau	1
	H1c Fasisme di Itali dan nazisme di Jerman.	1
	H1d Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini	1
	H1e Parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali pada tahun 1922	1
	H1f Mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan individu	1
	H1g Percaya kepada nasionalisme melampau	1
	H1h Berperang bagi meningkatkan imej negara	1
	H1i Itali menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania	1
	H1j Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler	1
	H1k Parti Nazi membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933	1
	H1l Mengagungkan bangsa Jerman	1
	H1m Berusaha memulihkan nasionalisme Jerman	1
	H1n Membina angkatan tentera semula	1
	H1o Menduduki Rhineland semula	1
	F2 Jerman tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles	1
	H2a Menganggap Perjanjian Versailles tidak adil	1
	H2b Menjejaskan kedaulatan negaranya	1
	H2c Jerman hilang tanah jajahan	1
	H2d Membayar pampasan perang yang tinggi	1
	H2e Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk	1
	H2f Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu	1
	H2g seperti yang diperoleh Perancis/ Poland.	1
	F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa	1
	H3a Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata	1
	H3b Gagal menangani krisis pencerobohan	1
H3c Menyebabkan dunia terdedah kepada konflik berterusan	1	
H3d Mengakibatkan Perang Dunia Kedua meletus	1	
	[Mana-mana 4F x 1 m]	[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
2 (c)	F1 Peperangan memusnahkan harta/ nyawa F2 Perang mengakibatkan penderitaan F3 Perang perlu dielakkan F4 Senjata nuklear/ atom diharamkan F5 Segala konflik perlu diselesaikan di meja rundingan F6 Tribunal Perang perlu bertindak F7 PBB perlu menghukum negara yang memulakan perang (Mana-mana jawapan munasabah) <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x 1 m]</p>	1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
3 (a)	F1 Kesultanan/ pemerintahan beraja	1
	F2 Kedudukan orang Melayu dan bumiputera	1
	[Mana-mana 2F x 1 m]	[2 m]
3 (b)	<i>Kesultanan/ Pemerintahan Beraja</i>	
	F1 Sultan merupakan pemerintah yang berdaulat	1
	F2 Sultan berkuasa penuh ke atas negeri masing-masing	1
	F3 Setelah merdeka pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen	1
	F4 YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara	1
	F5 YDPA mempunyai kuasa mengampun/ menanggukuhkan hukuman yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah	1
	F6 Berkuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara	1
	F7 Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri	1
	F8 Kuasa eksekutif dilaksanakan melalui nasihat Majlis Raja-raja	1
	F9 Raja berkuasa mengampun/ menanggukuhkan hukuman	1
	F10 Melantik jawatan utama negeri	1
	F11 Mengurniakan anugerah/ penghormatan/ bintang kehormat kepada individu yang terpilih	1
	<i>Kedudukan orang Melayu/ Bumiputera</i>	
	F12 Sebelum merdeka di bawah kuasa raja/ ketua peribumi	1
F13 Selepas Merdeka, YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera Sarawak dan Sabah	1	
F14 Memelihara kepentingan sah kaum lain	1	
	[Mana-mana 4F x 1 m]	[4 m]
3 (c)	F1 Merupakan teras pada sistem pemerintahan negara	1
	F2 Membantu melicinkan pentadbiran	1
	F3 Mengekalkan kestabilan politik	1
	F4 Membantu meningkatkan kemajuan negara	1
	F5 Mempertahankan kedaulatan negara	1
	F6 Menjamin keselamatan negara	1
	F7 Meningkatkan imej negara	1
	F8 Melahirkan rakyat yang setia pada negara (Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4F x 1 m]

Soalan	Perincian	Markah
4 (a)	F1 Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan F2 Menjadi bahasa rasmi pentadbiran F3 Memperkasa bahasa Melayu dalam sistem pendidikan F4 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) F5 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) <div style="text-align: right;">[Mana-mana 2F x 1 m]</div>	1 1 1 1 1 [2 m]
4 (b)	F1 Memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu F2 Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) F3 Menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu F4 IBKKM bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) F5 Menjadi tumpuan para penyelidik/ sasterawan/ karyawan/ budayawan F6 Pengiktirafan terhadap tokoh UKM F7 Muhammad Haji Salleh/ Siti Zainon Ismail sebagai sasterawan negara F8 Membuktikan UKM berjaya sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu <div style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x 1 m]</div>	1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
4 (c)	F1 Pemimpin dan rakyat perlu matang dalam penggunaan bahasa Melayu F2 Berperanan memartabatkan bahasa Melayu F3 Menggunakan bahasa Melayu dalam segala urusan F4 Bukan sekadar bahasa pengantar F5 Digunakan dalam semua upacara rasmi/ kenyataan akhbar F6 Menjadi contoh dan ikutan rakyat F7 Memperkasa Akta Bahasa Kebangsaan F8 Mewajibkan penggunaan bahasa Melayu di makhamah F9 Meningkatkan imej bahasa Melayu <div style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x 1 m]</div>	1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
5 (a)	<p>F1 Perasaan cinta/ bangga yang mendalam terhadap bangsa dan negara.</p> <p>F2 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial</p> <p>F3 Daripada pengusasaan orang asing/ kuasa barat.</p> <p>F4 Semangat perpaduan/ kebangsaan</p> <p>F5 Menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan perjuangan menentang penjajahan serta penindasan/ pembelaan terhadap negara dan bangsa.</p> <p>F6 Gerakan untuk melahirkan perasaan kekitaan</p> <p>F7 Menggunakan persamaan hak/ budaya/ pengalaman sejarah</p> <p>F8 Bertujuan membebaskan bangsa dan negara daripada penjajahan.</p> <p>F9 Perasaan yang mencetuskan keinginan membina negara bangsa dan melahirkan identiti negara</p> <p><i>* Catatan: Pandangan / tafsiran tokoh diterima (Buku Teks T4 Hal. 22-23)</i></p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
5 (b)	<p>F1 Peranan agama</p> <p>H1a Pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir</p> <p>H1b Terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah di Mesir</p> <p>H1c Menyalurkan idea gerakan Islah</p> <p>H1d Digelar Kaum Muda</p> <p>C1a Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/ Syed Sheikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha</p> <p>H1e Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar</p> <p>H1f Berpandukan al-Quran dan Hadis</p> <p>H1g Menentang imperialisme Barat di negara Islam</p> <p>F2 Penulisan kreatif</p> <p>H2a Karya kesusasteraan daripada tokoh nasionalis dijadikan wadah untuk menceritakan keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat</p> <p>C2a Novel, cerpen dan puisi</p> <p>H2b Menaikkan semangat rakyat bagi memahami realiti hidup yang dijajah</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 8F x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8 m]</p>

Soalan	Perincian	Markah
5 (c)	<p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh :</p> <p>Isi tersurat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat mengalami penindasan dan eksploitasi oleh penjajah - Timbul semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat - Memperjuangkan kemerdekaan - Tokoh nasionalis terkenal seperti Tunku Abdul Rahman/ Dato' Onn Jaafar - Membangkitkan kesedaran rakyat - Setelah merdeka, semangat nasionalisme terus berkembang - Rakyat mula memperjuangkan hak-hak mereka/ membangunkan negara yang merdeka dan berdaulat <p>Idea tersirat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat sudah lama berada dalam kesengsaraan akibat penjajahan - Muncul nasionalis aliran radikal menggunakan kekerasan - Selepas merdeka semangat terus kuat membina negara bangsa yang berdaulat - Rakyat berjuang memartabatkan Bahasa Melayu - Memperjuangkan agama - Hak istimewa orang Melayu/ Bumiputera 	[7 - 8]

Soalan	Perincian	Markah
6 (a)	F1 Memeriksa aturan perlembagaan	1
	F2 Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu	1
	F3 Mewujudkan kerajaan pusat	1
	F4 Kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu	1
	F5 Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri	1
	F6 Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan	1
	F7 Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu	1
	F8 Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara	1
	F9 Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan	1
	F10 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu	1
	[Mana-mana 4F x 1 m]	[4 m]
6 (b)	F1 Menerima memorandum daripada pelbagai pihak	1
	H1 131 memorandum bertulis diterima	1
	F2 Memorandum pihak Raja-raja Melayu	1
	H2a Mencadangkan Persekutuan yang merdeka	1
	H2b Mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong	1
	H2c YDPA dipilih oleh Raja-Raja Melayu	1
	H2d Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu	1
	F3 Memorandum daripada parti politik dan pihak awam	1
	H3a UMNO menolak kewarganegaraan jus soli	1
	H3b Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan syarat kewarganegaraan	1
	H3c Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menuntut kewarganegaraan berdasarkan kelahiran	1
	H3d Masyarakat India memohon kewarganegaraan mereka diteliti	1
	H3e Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahan	1
	F4 Memorandum daripada MCA	1
	H4a Menuntut sekolah aliran Bahasa Inggeris/ vernakular diteruskan	1
	H4b Cadangan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris/ Melayu/ Cina/ Tamil	1
	F5 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan draf perlembagaan	1
	H5a Menerima pelbagai reaksi terhadap draf perlembagaan PTM	1
	H5b UMNO tidak bersetuju dengan konsep jus soli	1
H5c Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar	1	

Soalan	Perincian	Markah
	H5d Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan	1
	H5e Tidak menjaga kepentingan orang Melayu dan kedudukan agama Islam	1
	H5f Pertubuhan Masyarakat Cina ingin menjadikan Bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan	1
	H5g MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian	1
	F6 Rombongan ke London	1
	H6a Diketuai Tunku Abdul Rahman	1
	H6b Mengadakan perbincangan dengan Kerajaan British	1
	H6c Isu kewarganegaraan dan beberapa isu lain dimuktamadkan	1
	H6d Beberapa perubahan dan pindaan dibuat pada draf perlembagaan	1
	F7 Draf dibentangkan dan dibahaskan	1
	H7a Dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 10 dan 11 Julai 1957	1
	H7b Kelulusan Parlimen British di London	1
	H7c Kelulusan Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957	1
	H7d Berkuatkuasa secara rasmi pada 31 Ogos 1957	1
	[Mana-mana 8F x 1 m]	[8 m]
6 (c)	<p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan keadilan kepada semua pihak - Tanpa menafikan hak semua lapisan masyarakat - Membuka peluang kepada semua pihak agar kepentingan masing-masing terpelihara - Menerima 131 memorandum dari Raja-raja Melayu/ badan awam/ orang perseorangan - Bersikap terbuka demi kepentingan bersama - Sedia menerima pendapat pelbagai pihak - Sikap prihatin agar tiada masyarakat minoriti dianiaya - Menghargai kesejahteraan rakyat pelbagai kaum - Memastikan perlembagaan kemerdekaan negara dihasilkan - Melalui permuafakatan pemimpin dan rakyat pelbagai kaum 	[7 - 8]

Soalan	Perincian	Markah	
7 (a)	<i>Ciri tradisional</i>		
	F1 Kesultanan/ Pemerintahan beraja	1	
	H1a Berasaskan pemerintahan beraja	1	
	H1b Sultan pemerintah berdaulat/ kuasa mutlak	1	
	H1c Sultan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1	
	H1d Selepas merdeka, pemerintahan beraja diteruskan	1	
	H1e Konsep Demokrasi Berparlimen	1	
	H1f Yang di-Pertuan Agong pemerintah tertinggi negara	1	
	H1g Boleh mengampun dan menangguhkan hukuman	1	
	H1h Di peringkat negeri, Sultan merupakan ketua negeri	1	
	H1i Sultan mempunyai kuasa eksekutif melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri	1	
	H1j Mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman	1	
	H1k Baginda boleh mengurniakan anugerah/ penghormatan dan bintang kebesaran	1	
	F2 Agama Islam	1	
	H2a Raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan hak dan kedaulatan raja/ adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.	1	
	H2b Selepas Merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu di bawah kuasa raja di negeri Melayu	1	
	H2c Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja di bawah Yang di-Pertuan Agong	1	
	F3 Bahasa Melayu	1	
	H3a Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Bahasa Melayu diguna dalam pemerintahan	1	
	H3b Bahasa Melayu menjadi lingua franca/ bahasa ilmu	1	
	H3c Kini, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi	1	
	F4 Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera	1	
	H4a Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu di bawah kuasa raja/ ketua peribumi	1	
	H4b Selepas merdeka, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab menjaga keistimewaan orang Melayu/ bumiputera Sabah dan Sarawak	1	
		[Mana-mana 3F x 1 m]	[3 m]
		<i>Ciri moden</i>	
	F1 Kerajaan Persekutuan	1	
H1a Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu	1		
H1b Sabah dan Sarawak di beri beberapa kuasa autonomi	1		

Soalan	Perincian	Markah
	F2 Sistem Demokrasi Berparlimen	1
	H2a Asas demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955	1
	H2b Tujuan pilihan raya memberi kebebasan kepada rakyat memilih pemimpin/ menubuhkan kerajaan	1
	H2c Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ditubuhkan bagi memastikan pilihan raya diadakan secara adil	1
	H2d SPR bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan pilihan raya	1
	H2e Pilihan raya Persekutuan memilih wakil bagi membentuk kerajaan Persekutuan	1
	H2f Pilihan raya negeri untuk memilih wakil untuk Kerajaan Negeri	1
	F3 Kewarganegaraan	1
	H3a Kewarganegaraan Persekutuan diperkenalkan pada tahun 1948 melalui perjanjian PTM	1
	H3b Sebelum itu terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara	1
	H3c Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja	1
	H3d Terdapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka atau Pulau Pinang	1
	H3e Kemerdekaan/ pembentukan Malaysia melahirkan taraf warganegara yang sama kepada rakyatnya.	1
	[Mana-mana 3F x1 m]	[3 m]
7 (b)	F1 Pindaan bertujuan menyesuaikan peruntukan baharu ke dalam perlembagaan	1
	F2 Tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada	1
	F3 Pindaan melibatkan struktur Mahkamah Atasan	1
	F4 Dan pemisahan Singapura	1
	F5 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dipinda selepas pembentukan Malaysia	1
	F6 Pindaan dibuat dengan memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu	1
	F7 Terdapat tiga perkara utama dalam Pindaan Perlembagaan 1963	1
	F8 Yang pertama Struktur Mahkamah Atasan	1
	F9 Mengikut model Mahkamah Tertinggi England	1
	F10 Terbahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan	1
	F11 Mahkamah Atasan iaitu Mahkamah Persekutuan	1
	F12 Terdapat tiga Mahkamah Atasan iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura	1
	F13 Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian	1
	F14 Yang kedua pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo	1
	F15 Berperanan menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah	1

Soalan	Perincian	Markah
7 (c)	F16 Pindaan Perlembagaan 1965 F17 Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan Singapura ke Parlimen pada 7 Ogos 1965 F18 Parlimen meluluskan usul tersebut F19 Ini membolehkan Singapura keluar dari Malaysia F20 Semua perkara berkaitan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia F21 Dari segi imigresen/ kewangan/ hubungan luar negara/ pertahanan	1 1 1 1 1 1
	[Mana-mana 6F x1 m]	[6 m]
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh : Isi tersurat - Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia - Ketiga-tiga badan/ doktrin pengasingan kuasa iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif - Undang-undang Persekutuan atau negeri jika bercanggah mengenai sesuatu perkara boleh diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah - Pemahaman rakyat berkaitan Perlembagaan seperti hal berkaitan agama Islam/ bahasa Melayu/ agama Islam/ hak orang Melayu/ institusi Raja adalah penting untuk dijelaskan Idea tersirat: - Perlembagaan melambangkan kedaulatan sesebuah negara - Konsep pengasingan kuasa dapat memastikan tiada pihak yang dominan - Undang-undang Persekutuan menjadi rujukan asas kepada setiap undang-undang negeri - Jika semua rakyat faham kedudukan dan hak istimewa orang Melayu/ agama Islam/ kedudukan Raja-raja Melayu/ Bahasa Melayu, tidak akan timbul pertikaian atau tuntutan yang tidak berasas	[7 - 8]

Soalan	Perincian	Markah
8 (a)	F1 Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia	1
	F2 Menyediakan ruang perbincangan	1
	F3 Untuk mendapatkan kata sepakat tentang gagasan Malaysia	1
	F4 Mengumpul pandangan tentang gagasan Malaysia	1
	F5 Menyebarkan maklumat berkaitan Malaysia	1
	F6 Memupuk aktiviti penghebahan	1
	F7 Mempercepat pembentukan Malaysia	1
	F8 Mendedahkan perkembangan kemajuan dalam bidang pentadbiran/ projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu	1
		[Mana-mana 6F x1 m]
8 (b)	F1 Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963	1
	F2 Sarawak, Sabah dan Singapura menjadi ahli dalam Malaysia bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F3 British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia	1
	F4 Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri	1
	F5 Sarawak dan Sabah diberi tempoh peralihan	1
	F6 Dalam bidang pentadbiran awam/ pendidikan	1
	F7 Kerusi parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi	1
	F8 Sarawak 24 kerusi	1
	F9 Sabah 16 kerusi	1
	F10 Penduduk bumiputra Sarawak dan Sabah diiktiraf sama seperti orang Melayu mengikut Perlembagaan Persekutuan	1
	[Mana-mana 6F x1 m]	[6 m]

Soalan	Perincian	Markah
8 (c)	<p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Isi tersurat (Maklumat dalam poster)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya - Rakyat Malaysia hidup dalam keadaan aman dan harmoni/ toleransi - Perpaduan menjadi kunci kemakmuran Malaysia - Konsep Malaysia Madani menjadi tunjang pembangunan negara - Setiap kaum saling menghormati agama/ budaya kaum lain - Kepelbagaian/ perbezaan merupakan satu keunikan Malaysia - Keharmonian kaum di Malaysia menjadi salah satu daya tarikan pelancong <p>Langkah Mengukuhkan Perpaduan Rakyat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Budaya kunjung-mengunjung semasa hari perayaan - Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan - Alat perpaduan bangsa - Konsep 1 Malaysia/ Keluarga Malaysia/ Malaysia Madani perlu diperkukuhkan - Sambutan Hari Kebangsaan setiap tahun menggabungkan unsur kepelbagaian budaya - Pengamalan Rukun Negara - Aktiviti sukan seperti SUKMA/ 1Murid 1 Sukan 	[7 - 8]

Soalan	Perincian	Markah
9 (a)	F1 Cabaran politik antarabangsa	1
	F2 Mengamalkan dasar berkecuali tanpa mengira ideologi	1
	F3 Menjalinkan hubungan dengan negara China	1
	F4 Melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein	1
	F5 Cabaran politik serantau	1
	F6 Peluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil	1
	F7 Berlaku banjir pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara	1
	F8 Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut	1
	[Mana-mana 4F x1 m]	[4 m]
9 (b) (i)	F1 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ ZOPFAN	1
	H1a Menjalinkan hubungan dengan China	1
	H1b Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/ global	1
	H1c Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar	1
	C1 Amerika Syarikat/ Rusia/ China	1
	F2 Penyelesaian konflik serantau	1
	H2a Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina	1
	C2 Ancaman komunis/ pelarian di Vietnam/ Kemboja	1
	Hb Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam	1
	H2c Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993	1
	H2d Menghantar pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ Misi UNTAC	1
	F3 Kerjasama ekonomi	1
	H3a Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978	1
	H3b Berjaya menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984)/ Malaysia (1986)	1
	H3c Mengeluarkan baja fosfat/ kuprum di Filipina	1
	H3d Menghasilkan serbuk soda di Thailand	1
	H3e Mempromosikan/ menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN	1
	H3f Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas	1
	H3g Penggunaan mata wang ASEAN	1
	H3h Meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN/ Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)	1
H3i Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN	1	

Soalan	Perincian	Markah
	<p>F4 Kerjasama sosial</p> <p>H4a Melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara/ SEAMEO</p> <p>H4b Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan/ pertukaran pelajar/ penubuhan pusat serantau pendidikan</p> <p>C4a Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik/ RECSAM di Pulau Pinang</p> <p>H4c Kerjasama dalam bidang kebudayaan</p> <p>H4d Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN</p> <p>C4b Mengadakan festival kebudayaan / kesenian</p> <p>H4e Melaksanakan Sukan SEA</p> <p>H4f Menjalinkan kerjasama dalam sukan</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
<p>9 (b) (ii)</p>	<p>F1 Setiausaha Agung Pertama</p> <p>Ha Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj</p> <p>H1b Tugas utama beliau untuk mengukuhkan OIC</p> <p>H1c Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya</p> <p>F2 Pengerusi OIC</p> <p>H2a Tun Abdullah Badawi menjadi Pengerusi OIC tahun 2003</p> <p>H2b Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang sedang melanda masyarakat Islam</p> <p>H2c Sering dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran.</p> <p>H2d Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan/ menolak keganasan</p> <p>F3 Pembangunan Pendidikan</p> <p>H3a Melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan.</p> <p>H3b Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</p> <p>H3c Pemberian biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini</p> <p>F4 Menangani Isu Politik Negara Islam</p> <p>H4a Menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq</p> <p>H4b Sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB ekoran gencatan senjata 1988</p> <p>H4c Memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin/ Palestine Liberation Organization – PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin)</p> <p>H4d Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Kecerantauan Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur 1983</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

Soalan	Perincian	Markah
	<p>H4e Menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri</p> <p>H4f Termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka</p> <p>H4g Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul</p> <p>H4h membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984</p> <p>F5 Pembangunan Ekonomi</p> <p>H5a Menyokong aktiviti Islamic Development Bank – IsDB (Bank Pembangunan Islam)</p> <p>H5b Malaysia menyertai IsDB pada tahun 1974</p> <p>H5c Memperoleh faedah berupa pinjaman daripada bank ini untuk membiayai projek pembangunan negara</p> <p>H5d Membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di serata dunia</p> <p>H5e Seperti Dubai Islamic Bank pada tahun 1975/ Islamic Bank of Bahrain pada tahun 1979/ Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4F x1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p>
<p>9 (c)</p>	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan hubungan dagangan - Mempromosikan produk tempatan ke luar negara - Mempercepatkan pertumbuhan/ perkembangan ekonomi - Mewujudkan kerjasama - Meningkatkan tahap pendidikan/ kesihatan - Menggalakkan pertukaran teknologi/ perkongsian maklumat - Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar - Melindungi kepentingan rakyat Malaysia di luar negara - Contohnya semasa berlakunya bencana/ wabak Covid-19 - Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat - Mengekalkan keamanan <p style="text-align: center;">PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT</p>	<p>[7 - 8]</p>